

**LIVING HADIS SEBAGAI FENOMENA SOSIAL BUDAYA INDONESIA:
SATU SOROTAN LITERATUR SECARA SISTEMATIK**

¹Norsaleha Mohd. Salleh, ²Lilly Suzana Shamsu, ¹Abur Hamdi Osman, ¹Rosni Wazir, ¹Farid Ravi Abdullah, ¹Abu Zaki Ismail dan ¹Nurul Ain Burhanuddin
norsaleha@kuis.edu.my

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

²Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

ABSTRAK

Living hadis bermaksud tradisi yang nampak di dalam masyarakat berupa amalan-amalan yang bersumberkan dari pemaknaan hadis Rasulullah SAW. Istilah yang sama juga digunakan kepada al-Quran iaitu Living Quran. Kajian ini mula menarik perhatian masyarakat setelah sebuah seminar di UIN Sunan Kalijaga yang bertema “Living Quran: Al-Quran Sebagai Fenomena Sosial-Budaya” dianjurkan pada 13-15 March 2005. Terdapat beberapa jenis living hadis iaitu tulisan, lisan dan amalan. Kajian living hadis merupakan sebuah bentuk kajian yang baru yang masih belum popular di kalangan akademis Malaysia. Metodologi kajian menggunakan kaedah analisis dokumen dan berpandukan jadual matrik “Systematic Literatur Review (SLR)”. Analisis sistematik berkenaan menfokuskan latar belakang, isu atau lompong, metodologi dan dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan, living hadis merupakan fenomena keagamaan yang dihidupkan oleh sesebuah masyarakat. Di Nusantara, khususnya di Indonesia, frasa living hadis pada asasnya adalah merupakan satu istilah yang dipopularkan oleh gabungan pensyarah Jabatan Ilmu al-Qur’an dan Tafsir & Ilmu Hadis, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Living hadis yang dimaksudkan adalah amalan kontekstual daripada hadis atau sunnah yang dibaja daripada ijmak dan ijthihad yang disepakati bersama dalam suatu komuniti muslim. Dengan erti kata yang lain, living hadis merupakan pemahaman terhadap makna hadis yang diaplikasikan dalam amalan seharian. Kajian ini diharapkan dapat dilakukan dengan lebih meluas bagi memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kaedah sebenar pengambilan hadis.

Kata kunci: living; hadis, Indonesia, budaya, sosial.

1.0 PENGENALAN

Living hadis adalah satu konsep yang diperkenalkan oleh Fazlur Rahman, seorang pemikir Islam yang berasal daripada Pakistan. Living hadis bertujuan mengaplikasikan hadis Rasulullah SAW agar mengikut arus globalisasi dan modernisasi yang menguasai umat Islam pada zaman sekarang. Living hadis juga disebut sebagai Sunnah yang hidup oleh Fazlur Rahman adalah respon terhadap hujah golongan orientalis, ulama' Islam tradisonal dan fundamental serta tokoh Islam modernis. Fazlur Rahman cuba untuk mengharmonikan pandangan golongan ini terhadap hadis dengan pendekatan menggunakan konsep living hadis. Perbincangan mengenai living hadis banyak sekali dibicarakan terutama sekali di Indonesia, kerana living hadis merupakan sebuah kajian yang berada pada dua sisi pertama sejarah dan yang kedua ialah mengenai fenomena sosial yang terdapat dalam masyarakat, yang berdasarkan dari hadis Nabi mahupun kehidupan sehari-hari Nabi Muhammad SAW.

Kajian ini mula menarik perhatian masyarakat setelah sebuah seminar di UIN Sunan Kalijaga yang bertema "Living Qur'an: Al-Qur'an Sebagai Fenomena Sosial-Budaya" dianjurkan pada 13-15 March 2005. Secara mudahnya living hadis ini dapat difahami sebagai ciri-ciri yang lahir dalam masyarakat yang berbentuk pola-pola perilaku yang bersumber dari hadis Rasulullah SAW atau tindak-balas terhadap pemahaman kepada hadis-hadis baginda. Istilah yang sama juga dapat diaplikasikan kepada al-Quran yang disebut sebagai living al-Quran. Setelah Rasulullah SAW wafat, sunnah baginda menjadi satu tinggalan yang ideal untuk diikuti oleh generasi selepas itu. Seiring masa, ia memerlukan tafsiran-tafsiran yang baru dan progresif sesuai dengan keperluan dan kehendak yang sentiasa berubah. Ini dapat dilihat dalam praktik *ijma'* dan *ijtihad* para ulama generasi awal serta pemimpin-pemimpinnya.

Namun begitu, dalam keadaan hadis terbuka menerima tafsiran yang berubah-ubah demi menyesuaikan ia dengan kehendak manusia, ia juga menutup pintunya untuk beberapa keadaan. Keadaan ini menggambarkan bahawa living hadis adalah satu ilmu atau konsep yang memerlukan beberapa batasan, syarat dan kriteria agar ia tidak tersasar jauh. Ia juga perlu diikat agar tidak menjadikan masalah manusia atau logik akal mengatasi segala-galanya. Terdapat beberapa keadaan di mana sunnah mesti difahami secara tepat sebagaimana maksudnya dan tidak "dihidupkan" secara salah, antaranya adalah berkaitan dengan akidah, ibadah yang asas, prinsip dan peraturan utama, akhlak dan nilai dan lain-lain. Melampaui syarat dan ketetapan ini bererti

telah melakukan kesilapan yang besar dalam menghidupkan hadis-hadis baginda Rasulullah SAW. Para ulama silam telah meletakkan beberapa garis panduan yang perlu diikuti sekiranya ingin memahami sesuatu hadis itu secara hidup dan ia mesti dipatuhi dan tidak dilangkai oleh sesiapa sahaja.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti living hadis sebagai fenomena sosial budaya Indonesia. Metode kajian yang dilakukan adalah analisis dokumen terhadap jurnal dan buku yang ditulis oleh para sarjana Indonesia. Kadar rujukan adalah dalam tempoh tahun 2010 hingga kini 2018. Kajian ini mensasarkan jawapan bagi beberapa persoalan kajian iaitu:

- a) Menenalpasti pendekatan sarjana Indonesia dalam menangani fenomena living hadis di Indonesia.
- b) Menenalpasti kaedah pencegahan daripada penyalahgunaan konsep living hadis di Malaysia.


Carian menfokuskan fenomena living hadis yang melibatkan aspek keagamaan dalam Islam dari sudut akidah, ibadah dan akhlak. Kajian yang bukan berkaitan dengan aspek hadis seperti kajian berkaitan al-Quran adalah dikecualikan dalam kajian ini.

2.1 Pelaksanaan Pencarian

Pencarian dilakukan dengan menggunakan terma pencarian yang khusus iaitu menggunakan terma Bahasa Melayu iaitu “living”, “hadis”, “Indonesia”, “budaya”, “sosial”. Kombinasi terma di atas dilakukan tanpa menhadkan tahun penerbitan. Pangkalan data yang digunakan ialah *Google Scholar* serta web pangkalan data Universiti Awam seluruh Malaysia dan Indonesia. Tajuk dan abstrak diteliti dengan berhati-hati untuk mengenal pasti hanya yang berkaitan dengan fenomena living hadis di Indonesia yang digunakan dalam kajian sosial budaya dengan mengecualikan kajian Al-Quran kerana hanya tertumpu dengan pendekatan hadis sahaja. Bagi membantu mendapatkan maklumat penuh tentang fenomena living hadis ini, pengkaji turut

menggunakan pangkalan data *Google Search Engine* dengan memasukkan jenis tradisi, budaya dan akronim setiap yang dikenal pasti.

Frasa 1- Carian Primari



Jadual 1 memaparkan sorotan literatur secara sistematik meliputi tahun kajian, latar belakang, isu, metodologi dan dapatan yang diperolehi daripada rujukan tersebut. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review* (SLR) telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al., 2016). Dalam kajian ini kata kunci “living hadis” telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Enjin carian terdiri daripada *google scholar*, *MyJurnal*. Skop carian pula dari tahun 2010 hingga kini 2018. Daripada sejumlah 151 dokumen kajian living hadis yang diperolehi, hanya 21 dokumen sahaja diterima untuk dianalisis kerana baki yang lain dilihat tidak bersesuaian dengan skop kajian seperti perkara yang membahaskan tentang living Quran.

Jadual 1: Satu sorotan literatur secara sistematik kajian Living Hadis sebagai fenomena sosial budaya Indonesia

Bil	Kajian	Latar belakang	Gaps/perbincangan	Metode	Dapatan
1	Mirna Fidiana 2014	Metodologi penelitian living al-Quran dan Hadith	Istilah living al-Quran dan Hadith Makna living hadis Model living hadis Contoh living hadis	Analisis kandungan	Sunnah hidup atau living sunnah Metod living hadis ada 3; tradisi tulisan, tradisi lisan, tradisi praktik
2	Saifuddin Zuhri	Genealogi, teori dan	Frasa living hadis 1 Terminologi	Fenomenologi Studi naratif	Fokus kajian living hadis adalah pada

	Qudsi 2016	aplikasi	sekarang 2 Fokus kpd praktis masyarakat, faham masyarakat terhadap sanad dan matan 3 Tidak mengambil kira status sahih, hasan dan dhaif 4 Buka era baru utk kajian hadis, bermula sejak 2007 di UIN Kalijaga	Etnografi Sosiologi pengetahuan	bentuk kajian atas fenomena praktis, tradisi, ritual, perilaku masyarakat yg berlandaskan hadis Nabi Kajian masih terbuka dan belum sepakat ttg model dan analisisnya Living hadis mesti selari dgn teks hadis
3	Reza Bakhtiar 2017	Latihan Hadroh – guna teori fungsional Thomas F. O dea	Amalan masyarakat dusun menggunakan hadroh dan selawat Fenomena living hadis, Guna teori fungsional. Teori fenomologikal.	fenomenologi	Usaha utk lestarikan amalan selawat kepda generasi muda
4	Helfina Rayya	Living hadis dalam tradisi haul guru sekumpul	Tradisi haul – bacaan quran, zikir, selawat dan manaqib ulama Masyarakat banjar Tradisi tulisan Tradisi lisan Tradisi praktik	Pemerhatian fenomenologi	Tradisi haul – fenomena pola perilaku masyarakat hasil interaksi dengan hadis Bacaan manaqib ulama bertujuan mengenang dan mengambil pelajaran dari kesalehan dan kebaikan yg dibuat
5	Subkhani Kusuma Dewi 2017	Fungsi performatif dan informatif living hadis dalam perspektif sosiologi reflektif	Teori resepsi social (resepsi eksegesis, resepsi aestetik dan respsi fungsional).	Penelitian living hadis	Dua fungsi (performatif dan informnatif termasuk dalam keilmuan soail-kritis Penelitian living hadis menggambarkan identity sesuatu kelompok dan masyarakat
6	Ahmad Muttaqin	“Barzanji Bugis” dalam	Living hadis sebagai fenomena Sosial-	Pemerhatian dan temubual	1 pembacaan dalam bahasa

	2016	peringatan Maulid: Studi Living Hadis di masyarakat Bugis, Soppeng, Sul-sel	Keagamaan		Bugis menunjukkan akulturasi ajaran Islam 2 bacaan berzanji dalam tradisi masyarakat Bugis dalam kegiatan Maulid memiliki perbezaan mkna dengan pembacaan 3 termasuk living hadis kerana syair-syair barzanji kemudian akan diamalkan dalam kehidupan mereka. 4 Nilai-nilai esensial dalam ajaran Islam kuat bertahan ketika ia disebarkan melalui sarana budaya lokal
7	Adrika Fithrotul Aini 2014	Living hadis dalam tradisi malam kamis Majelis Shalawat Diba' Bil-Mustofa	fenomena living hadis pembacaan shalawat diba' di kalangan Nahdliyyin (NU) Majlis Shalawat Bil Musthafa sebagai fenomena living hadis	penelitian lapangan pendekatan fenomenologi dengan teori fungsional	merupakan majelis yang melestarikan pembacaan syair-syair pujian kepada rasul melalui shalawat diba'. Kesannya masyarakat tergambar kehidupan sehari-hari dengan menjalankan sunnah Rasulullah.
8	Dr. H. Muhammad Alfatih Suryadilaga	Penelitian Living Hadis	Ragam living hadis; tradisi tulisan, tradisi lisan, tradisi praktik Contoh skripsi living hadis Fenomena living hadis di masjid besar Mataram Kotagede Fenomena Living hadis di pondok Pesantren Krpyak (Ali Maksum dan Al-	Penelitian bersifat deksriptif analitis	Menjelaskan bagaimana suatu fenomena hadis terjadi dan berkembang di masyarakat Islam.

			Munawwir)		
9	Siti Qurrotul Aini 2016	Tradisi Qunut dalam Shalat Magrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta	Qunut dalam Shalat Magrib; Fenomena Living Hadis	Penelitian ke perpustakaan dan lapangan Pemerhatian dan temubual	Penggunaan Qunut pada waktu Magrib dilakukan, kerana hadis yang diyakini dengan sepenuh hati walaupun terdapat segelintir yang mempersoalkan kesahihan hadisnya
10	Dona Kahfi 2016	Tradisi mandi Balimau di masyarakat Kuntu: Living hadis sebagai bukti sejarah	Istilah kajian Living Hadis	Penelitian lapangan dan penelitian perpustakaan Analisis data	Tradisi Balimau dikategorikan sebagai salah satu fenomena Living Hadis kerana bentuk manifestasi masyarakat Kuntu dalam menghidupkan ajaran dan diyakini berasal daripada nabi.
11	Miftahul Jannah 2014	Living Hadis dalam tradisi menjaga kubur masyarakat Banjar Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan	Variasi living hadis, Contoh living hadis Fenomena living hadis	Kualitatif Analisis kandungan	Analisis faktor pembentukan living hadis serta pengklasifikasinya adalah termasuk dalam kategori praktik. Sesuatu yang tidak dijejaki asal-usulnya.
12	Gusnanda 2017	Living Hadis dalam Tradisi Mambadakan Paja Masyarakat Pauh Nagari Kamang Mudik Kec. Kamang Magek Kab. Agam	Istilah Living Hadis Penelitian Living Hadis Fenomena Living Hadis	Penelitian <i>Field Research</i> Pemerhatian dan temubual	Fenomena keagamaan walaubagaimanapun ia tidak bertentangan dengan Islam.
13	Nurkhalis	Living Hadis:	Tradisi fidyah dan	Kualitatif	Sebahagian ulama

	Sofwan 2018	Studi atas fenomena tradisi fidyah, salat dan puasa bagi orang meninggal di Indramayu	kesannya kepada masyarakat Indramayu	deskriptif Pemerhatian dan temubual	tidak sepakat terhadap fidyah salat dan puasa bagi orang meninggal, dan sebahagian yang lain menyepakatinya.
14	Nadhya El-Fasya 2012	Tradisi Mujahadah Bukhoren (Ritual Tolak Bala Masyarakat Magelang)	Mujahadah pembacaan Kitab Sahih al-Bukhari Latar belakang kemunculannya Cara pelaksanaannya Ayat-ayat Quran dan Hadis berkaitan fenomena ini	Pemerhatian dan temubual	Agama tempat kembali iaitu berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah
15	Nurul Afifah 2017	Salat duha sebagai budaya populer dalam pemaknaan anggota majelis dhuha bantul	Salah satu bentuk living hadis Fenomena living hadis	Penelitian lapangan bersifat diskriptif, kualitatif dan analitik	Makna solat dhuha itu mempunyai tiga makna dari sudut objektif, ekspresif dan dokumentar.
16	Suryadilaga 2010	Model-model Living Hadis	Istilah Living Hadis Model Living hadis Bentuk dan variasi living hadis Definisi living hadis	Kualitatif analisis kandungan	<i>Living</i> hadis merupakan suatu bentuk pemahaman hadis yang berada dalam level praksis lapangan dan aras <i>living</i> hadis dapat dilihat dalam tiga bentuk, yaitu tulis, lisan, dan praktik.
17	Hj. Umayah M. Ag 2014	Living Hadits: Fenomena bekam di pesantren eretan Indramayu	Fenomena living hadis	Kualitatif penelitian data	Bekam adalah sunnah
18	Sohibul Adib 2010	Living Hadis dalam organisasi MMI (Rekonstruks	Sejarah Majelis Mujahidin Indonesia Maksud living hadis menurut MMI Contoh hadis living	Kualitatif analisis kandungan	Living hadis yang terdapat dalam tradisi MMI adalah hadis-hadis yang berkaitan dengan

		i terhadap pemahaman MMI tentang hadis-hadis Nabi)	hadis dalam bab kepemimpinan		penguatkuasaan undang-undang dan pemerintahan Islam
19	Suryani 2011	Makna Living sunnah ke Living Hadist	Konsep Living hadis	Kualitatif analisis kandungan	Hadis sebagai hasil kajian bahawa mencerminkan "sunnah hidup" bukanlah pemalsuan tetapi tafsiran dan perumusan progresif Sunnah Nabi.
20	Prof. Dr. H. Ramli Abdul Wahid MA 2017	Masa depan perkembangan kajian hadis di Nusantara	Keadaan hadis Tantangan kajian hadis Contoh hadis Daif dan palsu populer	Kajian sejarah Penyelidikan perbandingan penyebab	Living hadis bererti penjelmaan hadis dalam bentuk kepercayaan dan pengamalan dari makna hadis hakiki
21	Yeni Angelia In'amul Hasan 2017	Merantau dalam menuntut ilmu (Studi Living Hadis oleh masyarakat Minangkaba)	Perantauan Anak Minang dalam menuntut Ilmu merupakan kajian Living Hadist	Kualitatif analisis kandungan dokumen <i>Library research</i> Kajian sejarah	Masyarakat Minangkabau merupakan masyarakat mendeklarasikan agama Islam dalam hidup Sebagai bukti sejarah pernah ada, mengikut contoh Syaikh Ahmad Khatib

3.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian lepas living hadis dilakukan oleh Barbara D. Metcalf pada tahun 1993 menerusi artikelnya *Living Hadīth in the Tablīghī Jama'āt*. Barbara meneroka gerakan Jemaah Tabligh dan mendeskripsikan mereka sebagai sekumpulan jemaah yang mengaplikasikan kefahaman makna hadis dalam kehidupan seharian. Selain itu, Barbara turut menonjolkan pengamalan hadis yang diinterpretasi oleh Jemaah ini sebagai salah satu metode dalam mengkritik gaya hidup dan realiti masyarakat kini. Di Nusantara, khususnya di Indonesia, frasa living hadis pada asasnya adalah merupakan satu istilah yang dipopularkan oleh gabungan pensyarah Jabatan Ilmu al-Qur'an dan

Tafsir & Ilmu Hadis, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta dengan menghasilkan sebuah naskhah buku bertajuk Metodologi Penelitian Living Qur'an dan Hadis pada tahun 2007. Dalam buku ini living hadis yang dimaksudkan adalah amalan kontekstual daripada hadis atau sunnah yang dibaja daripada ijmak dan ijtihad yang disepakati bersama dalam suatu komuniti muslim. Dengan erti kata yang lain, living hadis merupakan pemahaman terhadap makna hadis yang diaplikasikan dalam amalan seharian.

Pada hakikatnya, eksistensi living hadis merupakan satu istilah yang muncul sekarang ini. Secara epistemologi telah pun diadaptasi semenjak zaman Madinah oleh para sahabat dan tabiin yang lebih dikenali sebagai *ihya' al-Sunnah* (Fawdi, 2008). Ia mengalami perubahan terminologi menjadi *ihya' al-hadith* dengan anggapan bahawa cakupan makna hadis lebih holistik daripada *al-sunnah* yang secara literal bermakna *habitual practice* (Udovitch, 1985). Dari sudut kesejarahan, kajian hadis membincangkan tekstual, sama ada sanad mahupun matan. Bukan setakat itu, perbicangannya terus berkembang menembus sempadan kontekstual atau praktikal (Wahid, 2015). Dengan begitu, living hadis terus fokus terhadap kefahaman masyarakat berkaitan sanad dan matan hadis.

Walau bagaimanapun, perkara matan dan sanad dalam ilmu Hadis wajib mengambil kira kedudukan dan nilainya, sama ada sahih, hasan, daif, ataupun mawdu'. Hal ini berbeza dalam kajian living hadis yang tidak menitik beratkan kualiti hadis. Apa yang jelas ianya bukan berasal daripada hadis palsu. Dengan erti kata yang lain, kaedah penilaian kesahihan sanad dan matan tidak menjadi komitmen dalam kajian living hadis. Bahkan pada satu peringkat usaha pentarjihan ke atas hadis yang dilihat berbeza tidak boleh diaplikasikan dalam living hadis. Dengan berpegang pada satu prinsip bahawa amalan ibadah dalam kalangan masyarakat telah pun diamalkan secara turun temurun, selagi mana tidak menyalahi adat. Ianya akan dinilai sebagai satu bentuk kepelbagaian praktikal yang diakui oleh masyarakat (Qudsy, 2016).

Pada hakikatnya, eksistensi living hadis merupakan satu istilah yang muncul sekarang ini. Secara epistemologi telah pun diadaptasi semenjak zaman Madinah oleh para sahabat dan tabiin yang lebih dikenali sebagai *ihya' al-Sunnah* (Fawdi, 2008). Ia mengalami perubahan terminologi menjadi *ihya' al-hadith* dengan anggapan bahawa cakupan makna hadis lebih holistik daripada *al-sunnah* yang secara literal bermakna *habitual practice* (Udovitch, 1985). Dari sudut kesejarahan, kajian hadis membincangkan tekstual, sama ada sanad mahupun matan. Bukan

setakat itu, perbicangannya terus berkembang menembus sempadan kontekstual atau praktikal (Wahid, 2015).

4.0 PERBINCANGAN

Analisis sistematik sorotan literatur sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1 juga memberi maklumat untuk membincangkan dengan lebih terperinci tentang beberapa latarbelakang kajian living hadis sebagai fenomena itu dilakukan. Dapatan utama yang diperolehi adalah living hadis adalah sunnah yang hidup dan metodologi kajian living hadis ada 3; tradisi tulisan, tradisi lisan, tradisi praktik. Fokus kajian living hadis adalah pada bentuk kajian atas fenomena praktis, tradisi, ritual, perilaku masyarakat yang berlandaskan hadis Rasulullah SAW. Kajian masih terbuka dan belum mempunyai kesepakatan tentang model dan analisisnya. Living hadis mesti selari dengan teks hadis. Penelitian living hadis menggambarkan identiti sesuatu kelompok dan masyarakat.

Dapatan seterusnya adalah dapat dilihat bahawa living hadis lebih kepada menjadi amalan-amalan kemasyarakatan sesebuah kaum dan menjadi tradisi sehingga kini. Bersandarkan kenyataan ini, satu kajian living hadis: Tradisi Qunut mandi Balimau di masyarakat Kuntu: Living hadis sebagai bukti sejarah (Dona Kahfi, 2016) telah dilakukan bagi meneliti kesahihan dakwaan berkenaan. Pengkaji akhirnya mendapati bahawa tradisi Balimau dikategorikan sebagai salah satu fenomena living hadis kerana bentuk manifestasi masyarakat Kuntu dalam menghidupkan ajaran dan diyakini berasal dari Nabi.

Selain itu, sarjana perlu cakna berkaitan dengan implikasi kajian living hadis ini sama ada dari sudut akidah, ibadah mahupun akhlak. Dari sudut akidah misalnya, wujud kesamaran antara amalan animisme dengan yang diharuskan dalam Islam. Sebagai contoh amalan *Nyadran* yang pada konsep awalnya merupakan ritual yang dilaksanakan sebagai bentuk pemujaan terhadap roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dengan tujuan untuk meminta bantuan terhadapnya. Sebahagian masyarakat di Sidodadi, Jawa Tengah menganggap bahawa nenek moyang yang telah meninggal itu lebih dekat kedudukan dengan Tuhan (Rofi, 2016; Muna, 2016). Seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam di pulau Jawa yang dibawa oleh para wali, amalan ini tidak dihapuskan bahkan terus diamalkan sehingga ke hari ini. Namun begitu, tradisi ini perlu diintegrasikan dengan nilai-nilai Islam agar selari dengan kehendak akidah ahli

Sunnah wal Jamaah. Dari sudut ibadah pula dapat dilihat berkaitan perayaan tahun baru Islam oleh warga masyarakat Desa Wringinjajar, Jawa Tengah, yang dilakukan dengan cara meletakkan sajen berupa nasi, lauk, telur kampung dan bunga setaman yang diletakkan di simpang jalan dengan tujuan agar selamat daripada mara bahaya (Malichah, 2016).

Justeru itu, kajian living hadith perlu dijalankan bagi mengukur sejauh mana ketepatan amalan tradisi turun temurun yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat di dalam Negara selaras dan menepati ajaran Islam dan berpaksikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Apa yang membimbangkan adalah amalan seseorang berpijak di atas anggapan yang salah dengan meyakini ianya berasaskan syarak walhal mampu menggadai dan memesongkan akidah. Hal ini terbukti di Negara jiran, salah satu fenomena living hadith di Kalimantan Selatan adalah tradisi menjaga kubur selama beberapa hari yang diadakan setelah kematian seseorang (Jannah, 2016). Ritual ini sudah menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat Banjar. Mereka menilai amalan ini merujuk daripada hadis Nabi SAW, meskipun tidak mengetahui dengan tepat teks hadis yang dimaksudkan. Mereka hanya mendapat maklumat daripada tokoh agama menerusi ceramah dan kuliah. Pada akhirnya para penunggu kubur mempunyai tujuan yang berbeza-beza. Sebahagian di antara mereka menjadikannya sebagai salah satu cara bertujuan untuk melestarikan bacaan al-Quran tanpa mengira tempat, ada juga yang berniat sekadar mengabulkan hajat orang yang meminta pertolongan atas bacaan al-Qurannya, bahkan ada juga yang memilih tradisi ini sebagai medium untuk menyara hidup dengan sedekah

Dapatan lain juga membawakan beberapa contoh fenomena living hadis yang berlaku di Indonesia antaranya; Barzanji Bugis (Ahmad Muttaqin, 2016), Malam Kamis Majelis Shalawat Diba' Bil Mustofa (Adrika Fithrotul Aini, 2014), Tradisi Qunut Dalam Solat Magrib (Siti Qurratul Aini, 2016), Tradisi Menjaga kubur (Miftahul Jannah, 2014), Tradisi Mambadikan Paja Masyarakat Pauh Nagari (Gusnanda, 2017), Tradisi Mujahadah Bukhoren (Nadhyra El-Fasya, 2012), Solat Dhuha (Nurul Afifah, 2017), Fenomena Bekam (Hj. Umayah M. Ag, 2014), Merantau dalam Menuntut Ilmu (Yeni Angelia In'amul Hasan, 2017), Living Hadis: Studi atas Fenomena Tradisi Fidyah, Salat dan Puasa bagi orang meninggal di Indramayu (Nurkhalis Sofwan, 2018). Pengkaji mendapati bahawa fenomena living hadis memang telah tersebar luas di Indonesia. Menariknya kajian living hadis sebagai fenomena adalah kekurangan sumber rujukan berkenaan living hadis yang membincangkan secara khusus di Malaysia. Faktor ini mengundang

kajian dilakukan bagi melihat kepenggunaan konsep living hadis dalam kalangan penggerak Liberal.

5.0 KESIMPULAN

Living Hadis bermaksud tradisi yang nampak di dalam masyarakat berupa amalan-amalan yang bersumber dari pemaknaan hadis Nabi Muhammad SAW. Para sarjana perlu peka terhadap implikasi kajian living hadis ini sama ada dari sudut akidah, ibadah mahupun akhlak. Dari sudut akidah, wujud kekeliruan antara amalan animisme dengan apa yang diharuskan dalam Islam. Namun begitu, tradisi ini perlu diintegrasikan dengan nilai-nilai Islam agar selari dengan kehendak akidah ahli Sunnah wal Jamaah. Justeru itu, kajian living hadis perlu dijalankan bagi mengukur sejauh mana ketepatan amalan tradisi turun temurun yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat selaras dan menepati ajaran Islam dan berpaksikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Apa yang membimbangkan adalah amalan seseorang berpijak di atas anggapan yang salah dengan meyakini ianya berasaskan syarak walhal mampu menggadai dan memesongkan akidah. Mereka hanya mendapat maklumat daripada tokoh agama menerusi ceramah dan kuliah. Dalam konteks memahami Islam yang syumul dan menyeluruh, hadis tidak mungkin diambil secara berasingan dan terpisah daripada kerangka dasarnya, sebagaimana ia juga tidak boleh dipasang pada kerangka dasar yang lain. Masyarakat Islam di Malaysia khususnya rumpun Melayu sangat-sangat terkesan dengan hadis di dalam kehidupan seharian sehingga menjadi budaya dan amalan turun-temurun. Golongan Liberal di Malaysia telah menyalahgunakan konsep Living Hadis untuk mengabsahkan beberapa amalan dan tradisi masyarakat yang tidak mempunyai asal-usul kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Perlu diketahui bahawa living hadis merupakan satu bentuk kajian praktik, tradisi, ritual, atau perilaku yang hidup dimasyarakat yang memiliki landasannya pada hadis Rasulullah SAW. Landasan munculnya kegiatan-kegiatan yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat itu menunjukkan bahawa pelaksanaannya itu memiliki makna yang tergambar dalam kehidupan sehari-hari dengan menjalankan sunnah Rasulullah SAW. Hadis perlu diambil secara menyeluruh dengan semua hadis lain yang berkaitan dengan kerangka dasarnya, supaya semua hadis berada pada tempat-tempatnya dengan betul dan tidak bertentangan antara satu dengan

yang lain. Maka, kajian ini perlu dilakukan untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang wujud.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Penggunaan Konsep Living Hadis dalam Kalangan Penggerak Pemikiran Liberal’.

RUJUKAN

- Adrika Fithrotul Aini. 2014. Living Hadis dalam Tradisi Malam Kamis Majelis Shalawat Diba' Bil-Mustofa. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*, 2, 221-235.
- Ahmad Muttaqin. 2016. Barzanji Bugis dalam peringatan Maulid: Studi Living Hadis di masyarakat Bugis, Soppeng, Sul-sel. *Jurnal Living Hadis*, 1, 130-150.
- Dona Kahfi. 2016. Tradisi Mandi Balimau di masyarakat Kuntu: Living Hadis Sebagai Bukti Sejarah. *Jurnal Living Hadis*, 1, 276-293.
- Muhammad AlFatih Suryadilaga. 2007. *Model-Model Living Hadis dalam M. Syahiron Syamsuddin (ed.), Metodologi Penelitian Living Qur'an dan Hadis Teori dan Praktek*. TH-Press dan Teras.
- Gusnanda. 2017. *Living Hadis dalam Tradisi Mambadakan Paja Masyarakat Pauh Nagari Kamang Mudik Kec. Kamang Magek Kab. Agam*. Program Pascasarjana. Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Imam Bonjol Padang.
- Hj. Umayah M. Ag. 2014. Living Hadits: Fenomena Bekam di Pesantren Eretan Indramayu. *Holistik*, 15, 309-328.
- Miftahul Jannah. 2014. Living Hadis dalam Tradisi Menjaga Kubur Masyarakat Banjar Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan. *Jurnal Ilmu-ilmu Ushuluddin*, 15, 1-16.
- Mirna Fidiana. 2014. *Study al-Quran dan al-Hadis; Bab Metodologi Penelitian The Living Quran dan Hadis*. UIN Maliki Press.
- Nadhira El-Fasya. 2012. *Tradisi Mujahadah Bukhoren; Ritual Menolak Bala Masyarakat Magelang*, Jun.
- Nurkhalis Sofwan. 2018. *Living Hadis: Studi Atas Fenomena Tradisi Fidyah, Salat dan Puasa Bagi Orang Meninggal di Indramayu*. Tesis Masters, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Nurul Afifah. 2017. Salat Duha Sebagai Budaya Populer dalam Pemaknaan Anggota Majelis Dhuha Bantul. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, 20, 160-173.
- Prof. Dr. H. Ramli Abdul Wahid MA. 2017. *Masa Depan Perkembangan Kajian Hadis di Nusantara*. Kertas dibentangkan, anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 15 Nov, Bangi.
- Reza Bakhtiar Ramadhan. 2017. Latihan Hadroh di Dusun Banyunganti Kidul; Studi Living Hadis: Teori Fungsional Thomas F. O' dea. *Jurnal Living Hadis*, 2, 50-82.
- Saifuddin Zuhri Qudsy. 2016. Living Hadis: Geologi, Teori dan Aplikasi. *Jurnal Living Hadis*, 1, 178-196.
- Siti Qurrotul Aini. 2016. Tradisi Qunut dalam Shalat Magrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta. *Jurnal Living Hadis*, 1, 228-242.
- Sohibul Adib. 2010. <http://islamuna-adib.blogspot.my/2010/03/living-hadis-dalam-organisasi-mmi.html>. 21 Mar
- Subkhani Kusuma Dewi. 2017. Fungsi Performatif dan Informatif Living Hadis Dalam Perspektif Sosiologi Reflektif. *Jurnal Living Hadis*, 2.
- Muhammad AlFatih Suryadilaga. 2007. *Model-Model Living Hadis dalam M. Syahiron Syamsuddin (ed.), Metodologi Penelitian Living Qur'an dan Hadis Teori dan Praktek*. TH-Press dan Teras.
- Suryani. 2011. <http://getarticlenow.blogspot.my/2011/02/makna-living-sunah-ke-living-hadits.html>. 10 Dec

Yeni Angelia In'amul Hasan. 2017. Merantau Dalam Menuntut Ilmu; Studi Living Hadis oleh Masyarakat Minangkabau. *Jurnal Living Hadis*, 2, 69-81.